



Platform pelaburan patuh
Syariah yang pertama di dunia

BURSA MALAYSIA-*i* 101

Hidup Berhemah
Labur Berhemah
Labur Syariah

i-Saham

Saham Patuh
Syariah

Didagangkan
di Bursa Malaysia-*i*

i-Indeks

Indeks Patuh
Syariah

Didagangkan
di Bursa Malaysia-*i*

i-ETF

Dana Dagangan
Saham Patuh
Syariah

Didagangkan
di Bursa Malaysia-*i*

i-REIT

Amanah Pelaburan
Hartanah Patuh
Syariah

Didagangkan
di Bursa Malaysia-*i*

Pelaburan Syariah di Bursa Malaysia-*i* merupakan platform pelaburan patuh Syariah yang pertama di dunia dan merupakan pasaran untuk dagangan dan pelaburan instrumen patuh Syariah.

Dapatkan Amalan Terbaik Pelaburan Patuh Syariah
di www.bursamalaysia.com

Bursa Malaysia-i menawarkan rangkaian perkhidmatan bursa yang meliputi penyenaaran, dagangan, penjelasan, penyelesaian dan depository, melalui prasarana sedia ada dengan penambahbaikan yang merangkumi ciri-ciri patuh Syariah.

Bursa Malaysia-i menyediakan suatu landskap baharu kepada para pelabur yang mencari sekuriti patuh Syariah untuk mereka mengakses perkhidmatan Bursa Malaysia melalui Broker Islam, di mana para pelabur dapat melabur dan berdagang instrumen pelaburan patuh Syariah dengan cara patuh Syariah secara menyeluruh.

Melalui Broker Islam, para pelabur dapat mengakses sekuriti-sekuriti patuh Syariah yang tersenarai di Bursa Malaysia. Semua perkhidmatan dagangan dan pasca-dagangan yang disediakan oleh Bursa Malaysia akan melalui proses patuh Syariah sepenuhnya.

Bursa Malaysia telah membangunkan ‘Amalan Terbaik Pelaburan Patuh Syariah’ bagi membolehkan pelabur memastikan keseluruhan aktiviti pelaburan dan dagangan mereka selari dengan parameter prinsip Syariah tanpa ragu-ragu, selain untuk menggalakkan pelabur yang melabur dan berdagang dalam sekuriti patuh Syariah di Bursa Malaysia melaksanakan aktiviti mereka melalui Broker Islam yang menjalankan perniagaan pembrokeran saham selari dengan prinsip Syariah, sama ada secara penuh (*full-fledged*) atau menerusi ‘tingkap Islam’ (*Islamic window*).

SOALAN LAZIM

Sila rujuk
www.bursamalaysia.com
untuk panduan yang lengkap

S Apakah perbezaan utama aktiviti dagangan melalui Broker Islam sebelum dan selepas pelancaran Bursa Malaysia-*i*?

J Instrumen:

Instrumen pelaburan yang disenaraikan di Pasaran Utama, ACE dan LEAP di Bursa Malaysia Securities Berhad disaring oleh Majlis Penasihat Syariah (“MPS”) Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (“SC”) dan diberikan status patuh Syariah.

Dagangan:

Aliran dagangan bagi Broker Islam dan broker konvensional adalah berbeza.

Penjelasan:

Penjelasan pasca dagangan yang dilaksanakan oleh Bursa Malaysia Securities Clearing Sdn Bhd melalui Broker Islam adalah dijamin patuh Syariah.

Penyelesaian:

Penyelesaian dagangan antara Broker Islam dan Bursa Malaysia adalah melalui Institusi Kewangan Islam.

Depositori:

Sekuriti patuh Syariah dalam akaun CDS kini ditanda dengan kod “SP” yang bermaksud “Sekuriti Patuh Syariah”.

- S** **Siapakah yang mempunyai akses kepada Bursa Malaysia-*i*?**
- J** Semua jenis pelabur: runcit, institusi dan pengurus dana (tempatan dan asing).
- S** **Bagaimana saya boleh mula untuk melabur di Bursa Malaysia-*i*?**
- J**
1. Hubungi Broker Islam untuk membuka akaun CDS dan akaun dagangan patuh Syariah
 2. Daftar dan aktifkan akaun CDS dan akaun dagangan patuh Syariah melalui Broker Islam
 3. Melabur melalui Bursa Malaysia-*i* dengan akaun CDS dan akaun dagangan patuh Syariah anda
- S** **Sekiranya pelabur telah memiliki akaun dagangan sedia ada dengan sebuah Broker Islam, adakah beliau perlu membuka satu akaun dagangan baru untuk berdagang di Bursa Malaysia-*i*?**
- J** Pelabur perlu mengenal pasti status akaun dagangan sedia ada, sama ada akaun tersebut akaun dagangan patuh Syariah atau akaun dagangan konvensional. Hanya akaun dagangan patuh Syariah membenarkan pelabur berdagang melalui Bursa Malaysia-*i*.
- S** **Bolehkah seseorang pelabur/ pelanggan kepada sesebuah Broker dengan perkhidmatan tingkap Islam menggunakan akaun dagangan konvensional untuk berdagang di Bursa Malaysia-*i*?**
- J** Pelabur yang ingin berdagang di Bursa Malaysia-*i* mestilah membuka akaun dagangan patuh Syariah. Akaun dagangan patuh Syariah akan menghuraikan terma dan syarat menurut prinsip-prinsip Syariah untuk aktiviti-aktiviti dagangan di Bursa Malaysia-*i*. Sila ajukan pertanyaan kepada Broker Islam anda.
- S** **Bolehkah saya melabur dalam sekuriti patuh Syariah walaupun broker saya adalah broker konvensional?**
- J** Ya. Tidak ada sebarang halangan untuk melabur dalam sekuriti patuh Syariah melalui broker konvensional.

- S Bolehkah saya membeli sekuriti bukan patuh Syariah melalui Bursa Malaysia-i?**
- J** Pembelian sekuriti bukan patuh Syariah adalah dilarang di Bursa Malaysia-i. Aktiviti pembelian oleh Broker Islam di Bursa Malaysia-i adalah terhad kepada sekuriti patuh Syariah sahaja.
- S Jika sekuriti patuh Syariah yang saya pegang telah diklasifikasikan semula sebagai bukan patuh Syariah berikutan semakan semula status Syariah oleh MPS SC, adakah saya perlu melupuskan sekuriti itu dengan serta-merta?**
- J** Berikutan klasifikasi semula sekuriti selepas semakan semula status Syariah oleh MPS SC, para pelabur adalah bertanggungjawab untuk menyemak dan menentukan sama ada harga pasaran sekuriti berkenaan yang terlibat itu melebihi, adalah bersamaan atau kurang daripada kos pelaburan.
Sila rujuk kepada Amalan Terbaik untuk Pelaburan Syariah untuk garis panduan lengkap.
Rujukan: <http://www.bursamalaysia.com>
- S Sebagai seorang pelabur Syariah, ke manakah perlu saya salurkan pendapatan yang dianggap sebagai pendapatan tercemar?**
- J** Para pelabur Syariah harus memikul tanggungjawab untuk mengenal pasti pendapatan tercemar dan adalah digalakkan untuk menyalurkan pendapatan tercemar itu kepada Baitulmal dan/ atau badan amal yang diluluskan.
Sila rujuk kepada Amalan Terbaik Pelaburan Patuh Syariah untuk garis panduan lengkap.
Rujukan: <http://www.bursamalaysia.com>
- S Adakah pelabur Muslim perlu melakukan pengagihan zakat untuk sebarang keuntungan yang diterima daripada aktiviti dagangan patuh Syariah?**
- J** Para pelabur Muslim adalah diwajibkan untuk melakukan pengagihan zakat hasil daripada sebarang keuntungan yang diperolehi daripada aktiviti dagangan patuh Syariah kepada pusat pungutan zakat yang dibenarkan atau ditetapkan.
Sila rujuk kepada Amalan Terbaik Pelaburan Patuh Syariah untuk garis panduan lengkap.
Rujukan: <http://www.bursamalaysia.com>

Laburlah secara Syariah melalui Broker Islam

Sila rujuk senarai penuh Broker Islam
di www.bursamalaysia.com

Pelaburan Syariah

Kewangan Islam secara amnya merujuk kepada transaksi pasaran kewangan, operasi dan perkhidmatan yang mematuhi peraturan, prinsip, falsafah dan kod amalan Islam. Undang-undang dan peraturan agama melibatkan galakan atau larangan kepada jenis aktiviti, risiko mahupun ganjaran. Ini termasuk aktiviti-aktiviti pelaburan patuh Syariah yang dilaksanakan oleh para pelabur.

Secara amnya, pelaburan berprinsipkan Kewangan Islam melarang:

- .01 RIBA (faedah/ bunga)**
Lebih yang dicaj ke atas pinjaman, harga tertanggung atau hutang yang tertunggak.
Perkhidmatan kewangan konvensional adalah berdasarkan *riba* (faedah).
- .02 GHARAR (ketidakpastian kontrak)**
Ketidakpastian dalam kontrak yang melibatkan pihak-pihak yang terlibat perihal subjek, harga, dan sebagainya. Bagi memastikan keadilan dan kesamarataan - pertikaian masa hadapan perlu dielakkan di kalangan pihak-pihak yang terlibat dalam kontrak.
- .03 MAYSIR (perjudian)**
Elemen eksploitasi.
Permainan berunsurkan nasib semata-mata di mana satu pihak mengaut keuntungan atas kehilangan pihak yang lain, seperti perjudian dan tikaman.
- .04 Lain-lain aktiviti yang tidak dibenarkan**
Insuran konvensional dan perbankan.
Makanan dan minuman atau produk-produk berkaitan yang tidak halal.
Produk-produk atau aktiviti berkaitan tembakau.
Hiburan yang bertentangan dengan Syariah.
Dagangan saham sekuriti tidak patuh Syariah.
Lain-lain aktiviti yang tidak dibenarkan.

***i*-Saham**
Saham Patuh
Syariah

Didagangkan
di Bursa Malaysia-*i*

Lebih 70% daripada syarikat yang tersenarai adalah patuh Syariah

***i*-Saham**

Bursa Malaysia merupakan sebuah bursa saham bersepadu yang menawarkan pelbagai saham patuh Syariah yang berkualiti. Kaedah Saringan Syariah yang dibangunkan oleh MPS SC menentukan sekuriti yang disenarai dan didagangkan di Bursa Malaysia adalah patuh Syariah.

Semakan semula untuk pematuhan Syariah dijalankan ke atas sekuriti syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia dan semasa tawaran awam pra-penyenaraian (IPO) syarikat-syarikat.

Setiap syarikat awam yang tersenarai disemak semula berdasarkan penyata kewangan yang telah diaudit yang terbaru. Senarai sekuriti patuh Syariah dikemaskini dua kali setahun, iaitu pada setiap bulan Mei dan November.

MPS mengguna pakai penilaian kuantitatif dan kualitatif:

Pra-Semakan

Penubuhan pada tahun 1995

Pasca-Semakan

Berkuatkuasa dari November 2013



SARINGAN KUANTITATIF

Empat tanda aras aktiviti perniagaan:
<5%; <10%; <20%; <25%



Dua tanda aras aktiviti perniagaan:
<5%; <20%

--



Tanda aras nisbah kewangan (<33%)
- Tunai Ke Atas Jumlah Aset
- Hutang Ke Atas Jumlah Aset



SARINGAN KUALITATIF

Persepsi masyarakat umum atau imej aktiviti syarikat



Persepsi masyarakat umum atau imej aktiviti syarikat

Sumber: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (www.sc.com.my)

***i*-Indeks**

Indeks Patuh Syariah

Didagangkan
di Bursa Malaysia-*i*

***i*-Indeks**

Bursa Malaysia menyediakan petunjuk indeks Syariah bagi mengukur prestasi sekuriti patuh Syariah.

Indeks-indeks ini turut direka untuk penghasilan produk-produk berstruktur, dana penjejak Indeks dan dana-dana dagangan Bursa atau sebagai penanda aras prestasi. Komponen-komponen ini disaring dan dinilai dari segi modal pasaran, apungan-bebas dan kecairan. Semakan semula ini dilakukan dua kali setahun iaitu pada setiap bulan Jun dan Disember.

***i*-ETF**

Dana Dagangan
Saham Patuh
Syariah

Didagangkan
di Bursa Malaysia-*i*

***i*-ETF**

APAKAH ITU DANA DAGANGAN BURSA SAHAM PATUH SYARIAH (*i*-ETF)?

i-ETFs melabur dalam satu kelompok sekuriti patuh Syariah yang menjejaki prestasi sesuatu indeks. *i*-ETF disenarai dan didagangkan di bursa saham.

MENGAPA MELABUR DALAM *i*-ETFs?

.01 KEPELBAGAIAN

Dapatkan pendedahan kepada sekelompok sekuriti dalam satu transaksi tunggal. Ia juga adalah satu cara yang efisien untuk mendapatkan kepelbagaian serantau dan antarabangsa.

.02 KOS RENDAH

i-ETFs tidak mengenakan caj jualan dan mempunyai yuran pengurusan yang lebih rendah (dianggarkan <1% berbanding dengan dana terurus).

.03 BERDAGANG SEPERTI SAHAM

Seperti saham, anda boleh membeli dan menjual pada bila-bila masa sepanjang tempoh dagangan.

.04 TELUS SEPENUHNYA

Harga boleh didapati secara langsung sepanjang tempoh dagangan. Portfolio pelaburan adalah telus sepenuhnya memandangkan ia menjejaki sesuatu indeks.

- Apakah yang perlu saya bayar semasa membeli dan menjual *i*-ETFs?
Sama seperti membeli dan menjual saham, para pelabur perlu membayar komisyen pembrokeran, duti setem, yuran penutup dan SST, di mana berkenaan.
- Apakah yang menentukan harga *i*-ETFs?
Harga pasaran *i*-ETF biasanya amat hampir dengan Nilai Aset Bersih (NAV) dana itu iaitu nilai pasaran saham-saham terlibat dan sebarang pendapatan bersih yang belum diagih. Walaubagaimanapun, harga *i*-ETF boleh dipengaruhi oleh permintaan dan penawaran dalam pasaran.
- Apakah pulangan yang dijangkakan?
Pulangan pelaburan biasanya setimpal dengan prestasi harga dan kadar pulangan petunjuk-petunjuk indeks yang terlibat.

- **Berapakah unit pelaburan minimum?**
i-ETF didagangkan dalam lot dagangan minimum (lot papan) sebanyak 100 unit.
- **Adakah *i*-ETF membayar dividen?**
 Kebanyakan *i*-ETF membayar dividen kepada pemegang mereka sama ada secara setengah tahun sekali atau secara tahunan. Anda adalah dinasihatkan untuk merujuk kepada polisi pengagihan dalam prospektus atau dokumen tawaran *i*-ETF tersebut.
- **Bagaimanakah transaksi dalam *i*-ETF dibereskan?**
 Melalui kaedah yang sama seperti transaksi saham iaitu tidak melebihi 2 hari pasaran selepas tarikh dagangan (T+2).
- **Adakah terdapat sebarang risiko?**
 Ya, melabur dalam *i*-ETF melibatkan risiko yang sama seperti saham dan tertakluk kepada turun naik pasaran. Prestasi *i*-ETF mungkin dipengaruhi secara langsung oleh pasaran dan saham-saham berlandaskan Syariah yang terlibat.
- **Apakah yang saya harus lakukan sebelum melabur dalam *i*-ETFs?**
 Anda adalah dinasihatkan supaya mengetahui perkara-perkara berikut sebelum melabur:

 - Objektif dan strategi pelaburan *i*-ETF
 - Indeks-indeks terlibat yang dijejak oleh *i*-ETF tersebut
 - Polisi dividen
 - Yuran dan caj-caj yang harus ditanggung oleh pelabur
 - Maklumat dagangan *i*-ETF
 - Maklumat mengenai syarikat pengurusan

PERBANDINGAN PRODUK



	ETFs	Saham	Unit Amanah
Kepelbagaian dengan Satu Sekuriti	✓	✗	✓
Penyebaran Harga Masa Sebenar	✓	✓	✗
Beli dan Jual melalui	Broker	Broker	Ejen
Pembelian ETF / Saham / Unit Amanah	T+2	T+2*	Pendahuluan

*T+2 bermaksud hari ke-2 pasaran / perniagaan selepas tarikh dagangan.

KOS DAGANGAN



	ETFs	Saham	Unit Amanah
Caj Jualan	✗	✗	✓
Anggaran Komisyen Pembrokeran / Yuran Penutup / Duti Setem	<1%	<1%	-

YURAN PENGURUSAN



	ETFs	Saham	Unit Amanah
Anggaran Yuran Pengurusan	<1%	-	1-2%

*Yuran pengurusan adalah satu ciri piawaian ETF dan saham amanah.

Yuran pengurusan dicerminkan dalam Nilai Aset Bersih (NAV) dan harga unit ETF atau unit amanah itu.

i-REIT

Amanah Pelaburan
Hartanah Patuh
Syariah

Didagangkan
di Bursa Malaysia-*i*

i-REIT

CARA YANG PALING MUDAH UNTUK MELABUR DALAM HARTANAH BERSKALA BESAR

Hartanah adalah satu kelas aset utama dalam sesebuah portfolio pelaburan. Sebelum *i*-REIT diperkenalkan, seseorang pelabur mungkin melabur dalam saham hartanah dan/atau hartanah fizikal untuk mendapatkan pendedahan dalam sektor hartanah. Anda kini mempunyai satu lagi pilihan iaitu melabur dalam *i*-REIT dengan membayar hanya sebahagian daripada harga hartanah itu. Dalam kata lain, *i*-REIT menyediakan satu cara untuk melabur dalam hartanah komersial berskala besar yang berkualiti tanpa perlu membeli hartanah tersebut secara langsung. *i*-REIT secara amnya menawarkan aliran pendapatan yang stabil dan kadar pulangan pengagihan yang menarik.

➤ **Memahami *i*-REIT: Apakah itu *i*-REIT?**

i-REIT adalah dana atau saham amanah yang memiliki dan menguruskan hartanah komersial patuh Syariah yang menjana pendapatan (seperti kompleks membeli-belah, hospital, hartanah, perladangan, hartanah perindustrian, dan blok-blok pejabat).

Sesebuah syarikat pengurusan untuk *i*-REIT dibenarkan untuk memotong sebahagian daripada pengagihan yang dibayar kepada pemegang sahamnya daripada pendapatan korporat yang dikenakan cukai. Walau bagaimanapun, untuk menikmati status bebas-cukai ini, aset dan pendapatan *i*-REIT tersebut haruslah terikat kepada hartanah dan mengagihkan sekurang-kurangnya 90% daripada jumlah pendapatannya kepada pelabur/ pemegang unit secara tahunan. *i*-REIT disenaraikan di Bursa Malaysia dan didagangkan seperti *i*-saham.

MENGAPA MELABUR DALAM *i*-REIT?

.01 **MAMPU-MILIK**

Kos pelaburan dalam *i*-REIT cuma melibatkan sebahagian kecil daripada kos pelaburan langsung dalam hartanah. Anda boleh bermula dengan pelaburan awal yang minimal sahaja.

.02 **KECAIRAN**

i-REIT adalah lebih cair berbanding dengan hartanah fizikal. Unit-unit *i*-REIT yang tersenarai boleh ditukar kepada tunai dengan mudah memandangkan mereka didagangkan di Bursa Malaysia.

.03 **ALIRAN PENDAPATAN YANG STABIL**

i-REIT lebih cenderung untuk membayar pendapatan yang lebih kerap (sama seperti dividen), yang diperolehi daripada sewa sedia ada yang dibayar oleh penyewa yang menduduki hartanah *i*-REIT tersebut.

.04 **PENDEDAHAN KEPADA SEKTOR HARTANAH BERSKALA BESAR**

Anda boleh memperoleh manfaat pelaburan hartanah atas dasar pro-rata melalui *i*-REIT kerana ia merupakan satu pelaburan berkualiti yang mampu dimiliki.

.05 **PENGURUSAN PROFESIONAL**

Anda mendapat manfaat dengan memiliki *i*-REIT dan aset-aset di dalamnya yang diuruskan oleh pengurus profesional yang akan menambah nilai untuk kadar pulangan yang lebih tinggi.

- **Apakah pertimbangan yang diperlukan dalam pelaburan?**
Selain daripada risiko pasaran am yang dipengaruhi oleh faktor-faktor ekonomi, politik, pasaran modal dan dividen, anda harus peka tentang aspek-aspek yang berikut:
 - Kualiti pengurusan dan struktur korporat *i*-REIT, terutama sekali pengurus *i*-REIT itu (rekod pencapaian dan reputasi yang baik)
 - Objektif dan strategi pelaburan *i*-REIT
 - Kualiti hartanah, termasuk faktor-faktor seperti pajakan, kadar penyewaan dan lokasi hartanah
 - Polisi pengagihan pulangan dan peraturan percukaian

- **Apakah jenis pulangan yang boleh dijangkakan dari *i*-REIT?**
Pulangan kepada pemegang unit *i*-REIT boleh didapati dalam bentuk:
 - Pengagihan pendapatan berdasarkan kepada polisi pengagihan yang dinyatakan dalam surat ikatan *i*-REIT; dan/ atau
 - Keuntungan modal yang mungkin timbul daripada peningkatan harga *i*-REIT.

➤ **Indikator prestasi *i*-REIT**

Kadar Pulangan Pengagihan: Kadar pulangan biasanya diterbitkan dalam bahagian perniagaan surat khabar harian utama. Ia diperolehi daripada formula berikut:

$$\text{Kadar Pulangan Pengagihan} = \frac{\text{Pengagihan pendapatan yang dibayar kepada seorang pemegang unit } i\text{-REIT}}{\text{Harga } i\text{-REIT yang dibayar oleh pemegang unit (atau harga pasaran semasa } i\text{-REIT itu)}}$$

Lain-lain indikator yang boleh didapati dalam laporan tahunan adalah termasuk:

- **Nilai Aset Bersih (NAV):**
Nilai satu *i*-REIT adalah berdasarkan kepada pemegangan hartanah nyata yang sebenar. Ini dikira melalui jumlah aset sesebuah syarikat selepas ditolak semua liabilitinya.
- **Nisbah perbelanjaan pengurusan:**
Peratusan perbelanjaan operasi seperti yuran pengurusan, dan sebagainya yang dikenakan ke atas NAV.
- **Jumlah pulangan:**
Perubahan dalam harga sesuatu *i*-REIT untuk tempoh bawah semakan ditambah dengan sebarang pengagihan pendapatan yang diterima semasa tempoh itu.

Produk-produk patuh Syariah didagangkan seperti produk-produk konvensional, tertakluk kepada peraturan-peraturan dagangan, transaksi dan penyelesaian yang sama (T+2).

MULAKAN SEKARANG.

- .01 HUBUNGI BROKER Islam Bursa Malaysia-i**
Hubungi mana-mana Broker Islam untuk membuka akaun CDS dan akaun dagangan patuh Syariah.

- .02 DAFTAR DAN AKTIFKAN AKAUN Bursa Malaysia-i**
Broker Islam akan membimbing anda untuk melaksanakan aktiviti pelaburan melalui Bursa Malaysia-i.

- .03 MELABUR MELALUI Bursa Malaysia-i**
Mulakanlah melabur dengan akaun CDS dan akaun dagangan patuh Syariah anda.

Dapatkan Amalan Terbaik Pelaburan Patuh Syariah di www.bursamalaysia.com

(Halaman ini sengaja dikosongkan)

(Halaman ini sengaja dikosongkan)

#LaburBMi

PENAFIAN/ PERNYATAAN

Risalah ini disediakan sebagai rujukan umum sahaja. Maklumat yang terkandung dalamnya bukan merupakan sebarang nasihat undang-undang, kewangan, dagangan dan/ atau pelaburan serta ia juga tidak menyarankan atau menyokong produk yang disebutkan di sini. Walaupun pelbagai langkah telah diambil untuk memastikan ketepatan maklumat dalam risalah ini, Bursa Malaysia tidak membuat sebarang waranti atau representasi berkenaan ketepatan atau kelengkapan maklumat dalam risalah ini. Bursa Malaysia tidak akan menanggung sebarang liabiliti termasuk liabiliti yang timbul akibat keputusan dagangan atau pelaburan yang dibuat berdasarkan maklumat dalam risalah ini. Anda dinasihatkan agar mendapatkan khidmat nasihat bebas dan/ atau merujuk undang-undang dan peraturan-peraturan yang relevan sebelum melaksanakan dagangan atau pelaburan.

BURSA MALAYSIA BERHAD
197601004668 (30632-P)

Exchange Square,
Bukit Kewangan,
50200 Kuala Lumpur,
Malaysia

Tel : +(603) 2034 7000

Fax : +(603) 2710 2308

Email : icm@bursamalaysia.com

www.bursamalaysia.com



@ICM_Bursa